

Soalan 1 – 3

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Gaya _____ murid itu ketika berbahasa mendapat tepukan gemuruh daripada penonton.
A penerangan
B pertunjukan
C persembahan
D penyampaian
- Dr. Zurinah Hassan yang sudah lama berkecimpung dalam dunia sastera dipilih sebagai _____ Negara yang ke-13.
A Sejarawan
B Negarawan
C Sasterawan
D Cendekiawan
- Minat terhadap bidang sastera perlu _____ dalam diri anak-anak sejak kecil.
A pupuk
B dipupuk
C memupuk
D dipupukkan

Soalan 4 – 5

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- Sayembara penulisan cerpen yang diadakan di sekolah itu bertujuan untuk mengembangkan potensi berbahasa secara kreatif dalam kalangan murid.
A bertujuan mengembang potensi
B bertujuan mengembangkan potensi
C bertujuan mengembangkan lagi potensi
D bertujuan untuk mengembangkan potensi

- Minggu Bahasa Melayu diadakan demi untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan murid tentang aspek bahasa.

A demi meningkatkan
B demi untuk meningkatkan
C demi mempertingkatkan lagi
D demi untuk mempertingkatkan lagi

Soalan 6 – 9

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Jangan mencemari kedaulatan bahasa Melayu dengan mencampuradukkan bahasa kita dengan bahasa asing. Tiada kesalahan.
A
B
C
D
- Rakyat-rakyat Malaysia tidak wajar mengabaikan penggunaan bahasa Melayu agar jati diri rakyat tetap unggul. Tiada kesalahan.
A
B
C
D
- Penguasaan bahasa asing diutamakan pada masa ini agar kita dapat bersaing dengan lain-lain negara dalam pelbagai bidang. Tiada kesalahan.
A
B
C
D
- Amira mengeluh selepas membaca papan-papan tanda yang terdapat penggunaan bahasa Melayu yang salah. Tiada kesalahan.
A
B
C
D